

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF
BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah projek Rumah Mesra Rakyat di Kuala Krai yang telah diluluskan antara Mei 2018 sehingga Mei 2019 dan berapakah permohonan yang masih menunggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang mana program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.
2. Pelaksanaan program RMR yang berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan iaitu sebanyak RM20,000. Manakala baki kos pembinaan di antara RM45,000 hingga RM60,000 dibiayai oleh pemohon sendiri melalui pinjaman yang

ditawarkan oleh SPNB. Untuk makluman, dana pinjaman yang ditawarkan ini perlu diperolehi oleh SPNB terlebih dahulu melalui kaedah pinjaman dari mana-mana bank. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi tambahan 2% subsidi bagi kadar keuntungan (*interest rate*) yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.

3. Berdasarkan statistik permohonan RMR dari tahun 2002 hingga 31 Ogos 2019, sebanyak **93,693** permohonan telah diterima dan dinilai dari seluruh negara. Sebanyak **50,299** permohonan telah diluluskan, manakala **35,879** permohonan telah ditolak dan **7,515** permohonan kini masih di dalam senarai proses/dinilai layak. Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, **46,301** unit telah disiapkan, **2,630** unit sedang dalam proses pembinaan dan **1,368** unit sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

4. Bagi Parlimen Kuala Krai, sebanyak **1,060** permohonan telah diterima dari tahun 2002 hingga 31 Ogos 2019. Daripada jumlah tersebut, **538** permohonan telah diluluskan iaitu **511** unit rumah telah siap dibina, **7** unit sedang dalam proses pembinaan dan **20** unit sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

5. Berdasarkan statistik permohonan di antara Mei 2018 hingga Mei 2019 bagi Parlimen Kuala Krai, sebanyak **16** permohonan telah diluluskan manakala **129** permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Sekian, terima kasih.